

## Persepsi Atlet Murid Terhadap Tingkah Laku Kepimpinan Jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu

*Perception of Student Athletes towards the Leadership Behavior of Coaches at Malaysian Sports School Terengganu*

Mazuki Mohd Yasim, Asro Othman, Thariq Khan Azizudin Khan & Jaffry Zakaria

Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

**Published online:** 29 June 2022

**To cite this article (APA):** Mohd Yasim, M., Otman, A., Azizuddin Khan, T. K., & Mohamad, N. I. (2022). Perception of Student Athletes towards the Leadership Behavior of Coaches at Malaysian Sports School Terengganu. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 11(1), 89-97. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol11.1.10.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol11.1.10.2022>

### ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu. Responden kajian terdiri daripada enam (6) orang atlet murid dari Sekolah Sukan Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu telah bersetuju untuk ditemu bual. Daripada jumlah enam (6) orang responden, lima (5) orang merupakan atlet murid lelaki dan seorang atlet murid perempuan. Empat (4) jenis sukan terlibat dalam kajian ini iaitu, tiga (3) orang atlet murid daripada sukan olahraga, seorang atlet murid lelaki daripada sukan basikal, seorang lelaki daripada sukan sepak takraw dan seorang atlet murid perempuan daripada sukan angkat berat. Empat (4) tema utama telah diperolehi daripada hasil analisis iaitu tingkah laku maklum balas positif, tingkah laku latihan dan arahan, tingkah laku sokongan sosial dan tingkah laku autokraktik. Dimensi tingkah laku maklum balas positif merupakan faktor utama persepsi atlet murid terhadap kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.

**Kata Kunci:** persepsi, tingkah laku kepimpinan, jurulatih

### ABSTRACT

*The purpose of this study was to identify the perceptions of student athletes on the leadership behavior of coaches in Sekolah Sukan Malaysia Terengganu. The study sample consisted of six (6) student -athletes from Sekolah Sukan Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu who agreed to be interviewed. Out of a total of six (6) respondents, five (5) were male student athletes and one female student athlete. Four (4) types of sports were involved in this study, namely, three (3) student athletes from athletics, one male student athlete from cycling, one male from sepak takraw and one female student athlete from weightlifting. Four (4) main themes were derived from the results of the analysis namely positive feedback behavior, training behavior and instruction, social supportive behaviors and autocratic behaviors. The dimension of positive feedback behavior is a major factor in the perception of student athletes towards the leadership of coaches at Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.*

**Keywords:** perception, leadership behavior, coach

## PENGENALAN

Seorang Jurulatih sukan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesuatu sukan di Malaysia. Seorang jurulatih juga berperanan melatih atlet dan pasukan yang akan menyertai sesuatu pertandingan ataupun kejohanan. Menurut Wildman (2006), kepimpinan yang berkesan adalah satu elemen yang penting dan perlu ditunjukkan demi meningkatkan prestasi sesebuah pasukan serta kemenangan pasukan tersebut dalam sesebuah kejohanan ataupun pertandingan bukan hanya terletak kepada kualiti dan kehebatan atlet semata-mata, tetapi kerjasama sekumpulan individu yang bekerja secara berpasukan. Mereka juga perlu memastikan atlet dan pasukannya dapat menunjukkan prestasi yang terbaik dan seterusnya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam sesuatu pertandingan. Pengetahuan mengenai gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan seperti perancangan, teknik latihan dan peraturan strategi permainan adalah perlu bagi memastikan penglibatan atlet yang berterusan dalam sesuatu aktiviti sukan.

Dalam konteks ini, kepimpinan merujuk kepada fenomena kejurulatihan dalam bidang sukan. Peranan jurulatih sukan khasnya dalam sukan berpasukan menurut Tutko dan Richards (1971) adalah meliputi pelbagai aspek. Selain itu, seseorang jurulatih yang melatih atlet di dalam sesebuah pasukan permainan dianggap sebagai jurujual yang bukan sahaja menjual taktik-taktiknya tetapi juga falsafahnya dalam permainan terutamanya semasa hendak membuat pemilihan pemain-pemain dalam satu pasukan. Pandangan Tukto dan Richards (1971) itu nampaknya ada keselarasan dengan pendapat Sage (1974), Ball (1975) dan Sabock (1979). Ball (1975) menyatakan bidang tugas jurulatih sukan mempunyai persamaan dengan bidang tugas pengurus, penyelia dan pentadbir dalam sesebuah organisasi formal seperti dalam pengurusan, perdagangan dan industri. Menurut Sage (1974) pula, seseorang jurulatih perlu merancang, mengatur, membuat anggaran belanjawan, menyusul jadual latihan dan pertandingan, pemilihan atlet, perhubungan awam dan aspek-aspek kepimpinan yang lain. Sementara itu, Sabock (1979) semasa membuat analisis peranan jurulatih di Sekolah Tinggi mengakui hakikat betapa banyaknya tanggungjawab yang perlu dipikul oleh jurulatih. Menurutnya jurulatih-jurulatih selalu bertindak sebagai seorang guru, pengawas disiplin, kaunselor, ahli psikologi, pemimpin, ibu atau bapa, hakim dan juri dalam mengendalikan tugasnya dengan atlet-atletnya.

## METHODOLOGI KAJIAN

### Persampelan

Sampel terdiri daripada enam (6) orang atlet murid Sekolah Sukan Malaysia Terengganu dan telah bersetuju untuk ditemu bual melalui *google meet*. Umur sample dalam lingkungan 16 hingga 18 tahun ( $\text{min}=17.5$ ;  $\text{SD}=0.837$ ). Kesemua responden adalah merupakan atlet murid yang pernah cemerlang dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antrabangsa. Empat (4) orang atlet murid pernah mewakili ke peringkat antarabangsa (66.67%) dan memenangi pertandingan peringkat terbesut dan manakala lagi dua (2) orang atlet juga berjaya diperingkat kebangsaan (33.33%) dalam sukan masing-masing. Jenis sukan yang diikuti responden adalah tiga (3) orang atlet murid lelaki daripada sukan olahraga (50%), seorang atlet murid lelaki daripada sukan basikal (16.67%), seorang lelaki daripada sukan sepak takraw (16.67%) dan seorang atlet murid perempuan daripada sukan angkat berat (16.67%).

### Alat Kajian

Kaedah temu bual digunakan bagi mengumpul maklumat untuk mengetahui persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu. Kaedah ini adalah bagi membolehkan pengkaji memahami dan menerangkan keadaan sebenar dengan lebih terperinci. Persetujuan telah diperolehi daripada responden bagi tujuan temu bual melalui *google meet* dan mereka telah menandatangani surat perakuan untuk dirakamkan perbualannya. Semua rakaman temu bual melalui *google meet* ditranskrip semula oleh pengkaji dan digunakan untuk mendapatkan tema utama

dengan menggunakan kaedah analisis. Pemilihan tema utama telah dilakukan oleh penyelidik bagi memastikan ketepatan tema yang dipilih.


## DAPATAN KAJIAN

Merujuk kepada analisis kandungan transkripsi temu bual melalui *google meet* dengan para responden, tema utama yang diperolehi daripada analisis yang akan diperbincangkan ialah persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.

Maklumat data yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan kepada temu bual melalui *google meet* yang dirakam dan ditranskrip semula dalam bentuk penulisan. Menganalisis data dilakukan dengan mengenal pasti data mentah mengikut tema yang spesifik iaitu tema tingkah laku maklum balas positif, tema yang kedua pula ialah tingkah laku latihan dan arahan, tema yang ketiga ialah tingkah laku sokongan sosial dan tema akhir sekali ialah tema tingkah laku autokratik.

**Jadual 1.** Persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu

| Tema utama                       | Peratusan % |
|----------------------------------|-------------|
| Tingkah Laku Makum Balas Positif | 38.89       |
| Tingkah Laku Latihan & Arahan    | 36.11       |
| Tingkah Laku Sokongan Sosial     | 33.33       |
| Tingkah Laku Autokratik          | 8.33        |
|                                  | 100.00      |



Rajah 1. Persepsi Atlet Murid Terhadap Tingkah laku Kepimpinan Jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu

### Tema Tingkah Laku Maklum Balas Positif

Faktor utama persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih yang di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu yang mempunyai peratusan tertinggi iaitu tingkah laku maklum balas positif ialah 38.89%. Tema ini bermaksud tingkah laku yang menekankan kepada pengukuhan sikap atlet dengan maklum balas yang sesuai sebagai pengiktirafan dan juga pemberian bentuk ganjaran yang sesuai bagi pencapaian baik atlet. Dapatkan Kajian ini, persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih yang di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu adalah tingkah laku maklum balas positif. Selaras dengan dapatan kajian Chelladurai (1990) dan Chelladurai dan Saleh (1980) yang mendapati kebanyakan atlet muda memerlukan pendekatan yang sesuai untuk terus maju, di samping set minda yang positif bagi memastikan mereka boleh terus berjaya. Persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih yang disukai di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu adalah tingkah laku maklum balas positif ini telah diungkapkan oleh responden iaitu:

*Kepimpinan yang saya suka dalam diri jurulatih saya, bagi saya, saya rasa jurulatih saya mengambil berat atlet-atletnya, dia selalu bertanya atlet tentang perkara-perkara yang dilakukan oleh atlet, Pencapaian-pencapaian atlet dari semasa ke semasa, dia tanya ada atlet itu ada masalah atau tidak, kalau ada masalah kami boleh cerita kepada coach kami jadi kami kuranglah stress, kalau kami tidak puas hati apa-apa ke kami boleh bagitahu terus kepada coach kami, Coach kami tak kisah.tanya kenapa dan mengapa setiap hari kepada atlet. Jurulatih saya tidak marah-marah dan bersikap terbuka.*

Pengukuhan sikap merupakan sub tema yang dikategorikan dalam tema tingkah laku maklum balas positif. Merujuk kepada jadual 2, menekankan kepada pengukuhan sikap atlet yang lebih dewasa juga memerlukan sokongan sosial daripada jurulatih kerana mereka memerlukan bantuan jurulatih selaku individu yang paling rapat dengan mereka untuk menyelesaikan sebarang masalah dan memberikan sepenuh tumpuan terhadap latihan. Tema ini telah diungkapkan oleh responden iaitu:

*Pada pendapat saya, jurulatih saya di sekolah sukan saya sangat baik. Contohnya kalau, biasanya atlet dia kadang kalau tak semangat ke, Cuba cari jalan untuk naikkan balik semangat diaorang. Dia akan tanya seorang-seorang mana, kenapa. Kadang kalau lambat dia kata, kena lambat, tak ada marah terus, tak tahu apa jadi terus marah, Selalu bersifat terbuka.*

Satu penjelasan yang boleh diberikan mengenai dapatan kajian ini adalah tahap kematangan atlet murid tersebut. Berdasarkan Model Kepimpinan Multidimensi (Chelladurai, 1990), tahap kepuasan hati dan peningkatan prestasi atlet berkait rapat dengan tahap kematangan mereka. Berdasarkan kepada purata umur atlet murid (18 tahun), dapat disimpulkan bahawa kebanyakan meraka masih muda dan agak baru dalam bidang sukan yang diceburi secara kompetitif. Justeru, pendekatan yang dibawa oleh jurulatih sememangnya sesuai dengan peringkat umur serta tahap kematangan atlet tersebut. Ini adalah kerana atlet muda dan yang kurang berpengalaman memerlukan maklum balas dan tunjuk ajar yang sewajarnya dari jurulatih mereka. Kerana itu, atlet meletakkan stail jurulatih yang bersifat memberikan maklum balas positif serta latihan dan arahan (Chelladurai, 1990; Chelladurai & Saleh, 1980). Berdasarkan data yang dihasilkan oleh Chelladurai (1984), beliau telah menilai apa yang disukai dalam kumpulan dan apa yang dihormati oleh individu terhadap tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet terhadap prestasi faktor yang mempengaruhinya.

Implimentasi jurulatih dalam gaya maklum balas positif akan memberi kesan dari segi psikologi kepada atlet-atlet pada peringkat sekolah menengah untuk berasa selesa, terjaga dari segi kebajikan dan berasa seronok semasa latihan dijalankan. Faktor-faktor psikologi ini memainkan peranan yang penting agar atlet-atlet pada peringkat sekolah menengah untuk terus melibatkan diri dalam sukan yang diceburi dan seterusnya dapat memberi pencapaian yang optimum semasa pertandingan. Selaras dengan dapatan kajian Chelladurai (1990) dan Chelladurai dan Saleh (1980) yang mendapati kebanyakan atlet muda memerlukan pendekatan yang sesuai untuk terus maju, di samping set minda yang positif bagi memastikan mereka boleh terus berjaya. Persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih

yang disukai di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu adalah tingkah laku maklum balas positif ini telah diungkapkan oleh responden iaitu:

**Responden 1**

*Kepimpinan yang saya suka dalam diri jurulatih saya, bagi saya, saya rasa jurulatih saya mengambil berat atlet-atletnya, dia selalu bertanya atlet tentang perkara-perkara yang dilakukan oleh atlet, Pencapaian-pencapaian atlet dari semasa ke semasa, dia tanya ada atlet itu ada masalah atau tidak, kalau ada masalah kami boleh cerita kepada coach kami jadi kami kuranglah stress, kalau kami tidak puas hati apa-apa ke kami boleh bagitahu terus kepada coach kami, Coach kami tak kisah. tanya kenapa dan mengapa setiap hari kepada atlet. Jurulatih saya tidak marah-marah dan bersikap terbuka.*

**Responden 2**

*Saya rasa sikap ambil berat coach itu, sebab coach ambil berat atlet-atlet ini, satu dorangan kuat kepada atlet sebab kadang-kadang atlet ini, dia ada masalah tapi dia tak nak cerita, lepas itu masalah itu menyebabkan prestasi dia menurun dan tidak boleh improve. Bila coach tanya masalah, dia bagi semangat dekat atlet-atlet dia, lepas itu di bagi cara-cara nak mengatasi masalah tersebut contohnya macam masalah Teknik ke, lepas itu, kadang-kadang ada masalah emosi, dia bagi cara-cara penyelesaian masalah itu, Jadi atlet itu rasa bebas dan akan boleh menumpukan sepenuhnya kepada training dan meningkatkan prestasi*

**Responden 3**

*Antaranya menjaga kebijakan, ketepatan masa, disiplin diri dan komitmen seorang jurulatih, sentiasa berhubung bila-bila perlu*

## Tema Tingkah Laku Latihan dan Arahan

Tema yang kedua adalah tingkah laku latihan dan arahan. Definisi demensi tingkah laku latihan dan arahan ialah tingkah laku yang menekankan kepada peningkatan prestasi melalui latihan dan tujuk ajar bagi memudahkan penguasaan teknik, kemahiran dan taktik dalam sukan. Tingkah laku latihan dan arahan dengan faktor umur atlet yang kebanyakannya masih muda, maka pendekatan secara latihan dan arahan akan membantu meningkatkan pencapaian atlet. Chelledurai dan Carron (1981) menjelaskan bahawa atlet-atlet yang tinggi dari segi struktur kognitifnya cenderung secara signifikan kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih bercorak latihan dan arahan. Dapatkan ini selaras dengan dapatkan kajian Chelladurai (1990) dan Chelladurai dan Saleh (1980) yang mendapat kebanyakan atlet muda memerlukan pendekatan yang sesuai untuk terus maju. Persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih yang disukai di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu adalah tingkah laku latihan dan arahan ini telah diungkapkan oleh responden iaitu:

*Jurulatih saya sangat menitik berat tentang pendidikan agama, selepas itu barulah soal latihan iaitu teknik, endurance dan speed. Jurulatih saya juga serius dalam sesi latihan.*

Fiedler (1967) telah menjalankan kajian untuk menilai kesan jantina, pengalaman dan motivasi ke atas tingkah laku kepimpinan jurulatih yang disukai oleh pihak universiti dan pemain-pemain universiti yang mengambil bahagian dalam pelbagai pertandingan di Universiti. Beliau mendapati bahawa pelajar lelaki lebih suka kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang bercorak latihan dan arahan berbanding dengan pelajar wanita. Sementara itu, atlet yang tinggi motivasi terhadap tugasnya lebih suka kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang mengamalkan tingkah laku bercorak latihan dan arahan.

Berikut adalah sub tema pertama yang dikategorikan sebagai tema tingkah laku latihan dan arahan dimensi tingkat laku latihan dan arahan merupakan demensi yang kedua tertinggi iaitu 36.11%. Dalam konteks kepimpinan atau kejurulatihan, gaya seseorang jurulatih ketika berinteraksi dengan atlet semasa sesi latihan dan semasa pertandingan berlangsung mempunyai impak terhadap prestasi atlet. Berdasarkan kepada Model Kepimpinan Mutlidimensi (Chelladurai, 1990), jika wujudnya keselarasan di antara kehendak atlet (stail kejurulatihan yang digemari, perwatakan jurulatih) dengan kehendak dan

perlakuan jurulatih, maka kepuasan serta prestasi atlet akan meningkat. Sebaliknya, jika tidak wujud sebarang keselarasan di antara kehendak atlet dan jurulatih, maka prestasi serta tahap kepuasan atlet akan menurun. Antara pernyataan responden adalah seperti berikut:

*Ketegasan jurulatih-jurulatih terhadap atlet-atlet sebab kalau jurulatih tidak tegas, dia buat sambil lewa, atlet buat tak betul pun dia tak tegur, atlet buat main-main dia biarkan, kalau macam itu, saya rasa atlet-atlet ini akan pergi boleh jauh dengan sikap begitu, tapi jurulatih-jurulatih di SSMT saya tengok tegas dalam melatih, kalau atlet malas pun, jurulatih paksa sampai muntah, memberi improvement prestasi atlet-atlet.*

Diskripsi dalam latihan dan pengajaran dan tindak balas positif iaitu contoh, perhatian yang tinggi dan pemilihan adalah dimensi yang paling biasa dalam tingkah laku yang sesuai bagi menilai kepuasan atlet. Ini merujuk kepada 3 kumpulan iaitu bola keranjang, acara padang dan angkat berat. Akibatnya hasil dapatan mendedahkan berkaitan kepuasan atlet dengan jurulatih dan perkara yang berkaitan kepuasan atlet. Berdasarkan Horne dan Carron (1985) menyatakan bahawa latihan dan pengajaran, sokongan sosial, dan tindakbalas positif beliau meramalkan atau menjangkakan adalah singnifikan dengan kepuasan atlet terhadap jurulatih. Jurulatih yang dipandang mulia atau tinggi dengan apa yang disukai adalah kepuasan tinggi bagi seorang jurulatih. Antara pernyataan responden-responden adalah seperti berikut:

**Responden 1**

*Ketegasan jurulatih-jurulatih terhadap atlet-atlet sebab kalau jurulatih tidak tegas, dia buat sambil lewa, atlet buat tak betul pun dia tak tegur, atlet buat main-main dia biarkan, kalau macam itu, saya rasa atlet-atlet ini tidak akan pergi boleh jauh dengan sikap begitu, tapi jurulatih-jurulatih di ssmt saya tengok tegas dalam melatih, kalau atlet malas pun, jurulatih paksa sampai muntah, semua memberi improvement kepada prestasi atlet-atlet.*

**Responden 2**

*Bagi saya coach hebat semuanya. Tapi berbeza dengan program training. Macam Coach Futra dia boleh bawa ASG. Macam Coach Asro dia bawa saya menang MSSM dapat bawa saya pergi ASG, Little Atlitics. Semua Coach lain hebat juga tapi kurang Nampak, Sangat mengetarkan disiplin. Kalau atlet itu tiada disiplin dia tidak boleh pergi jauh, solat jangan tinggal. kita orang islam berdoa untuk minta kejayaan pada Allah*

## Tema Tingkah Laku Sokongan Sosial

Tema yang seterusnya ialah tingkah laku sokongan sosial. Tingkah laku yang prihatin terhadap kebijakan atlet, persekitaran kumpulan yang positif dan hubungan interpersonal yang baik dengan atlet. Tema ini terbahagi kepada dua (2) sub tema iaitu interpersonal dan kebijakan atlet, akan tetapi atlet yang tinggi dari segi motivasi cenderung kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang mengamalkan tingkah laku sokongan sosial. Dalam sukan yang bercorak pertandingan pula, semakin berpengalaman seseorang atlet itu, semakin tinggi kecenderungannya kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang bertingkah laku sokongan sosial (Chelladurai, 1990). Persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih yang disukai di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu adalah tingkah laku sokongan sosial ini telah diungkapkan oleh responden iaitu:

*Contohnya dia baik, seorang yang baik, dia bagi semangat pada anak didik dia.*

Deminsi tingkah laku sokongan sosial ini juga mentafsirkan tingkah laku jurulatih yang merangkumi soal-soal menyediakan rangsangan-rangsangan kepada atlet-atlet dengan memberi pujian dan pengiktirafan serta ganjaran terhadap pencapaian yang baik. Antara pernyataan responden adalah seperti berikut:

*Lemah lembut, sporting, baik hati, suka ajak borak dan memberi pujian*

Akan tetapi atlet yang tinggi dari segi motivasi cenderung kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang mengamalkan tingkah laku sokongan sosial. Dalam sukan yang bercorak pertandingan pula, semakin berpengalaman seseorang atlet itu, semakin tinggi kecenderungannya kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang bertingkah laku sokongan sosial (Chelladurai, 1990). Hasil kajian mendapati pemain lelaki lebih menyukai kepimpinan jurulatih yang memberi latihan dan pengajaran, autokratik, dan memberi sokongan sosial. Pemain lelaki kurang menyukai jurulatih yang bersikap demokratik, manakala pemain perempuan pula lebih menyukai kepimpinan jurulatih boleh dijadikan kawan.

### Tema Tingkah Laku Autokratik

Tema yang akhir sekali ialah tema tingkah laku autokratik. Tingkah laku autokratik ialah tingkah laku yang menekankan kuasa secara mutlak kepada jurulatih dengan penekanan kepada autoriti sepenuhnya. Sub tema tingkah laku autokratik terbahagi kepada dua (2) iaitu Autoriti dan kuasa yang mutlak. Keputusan kajian juga mendapati bahawa pemain-pemain yang dikelompokkan berdasarkan ciri-ciri personaliti sebagai tidak berdikari (dependent), degil (tough-minded), ekstrovert, emosi yang stabil dan atlet-atlet yang mengamati jurulatih mereka mengamalkan tingkah laku latihan dan arahan, demokratik dalam membuat keputusan, memberi sokongan sosial dan ganjaran semasa menjalankan tugas mempunyai pertalian dengan paras pencapaian yang tinggi. Sebaliknya, pemain-pemain yang mengamati jurulatih yang mempunyai ciri-ciri autokratik dalam gaya membuat keputusan mempunyai hubungan dengan paras pencapaian yang rendah. Seorang responden menyatakan:

*Saya tidak suka coach saya arahan dan marah-marah, marah yang tiada kaitan, tiba-tiba dia kaitkan dulu-dulu, imbas Kembali cerita buruk dan detik-detik hitam*

Konsisten dengan dapatan kajian terdahulu, gaya kepimpinan autokratik merupakan gaya kepimpinan yang kurang digemari atlet (Sherman et al., 2000; Sullivan & Kent, 2003). Jurulatih yang bersikap autokratik sering menggunakan autoriti sepenuhnya untuk membuat sebarang keputusan dan menghadkan penglibatan atlet dalam proses membuat keputusan.

## RUMUSAN

Penelitian dari kajian ini dapat memberi implikasi yang bernilai terutamanya kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pendidikan, penyelidikan atau perkhidmatan. Kajian ini sedikit sebanyak telah berjaya menunjukkan bentuk-bentuk tingkah laku khusus yang dipamerkan oleh jurulatih-jurulatih. Bentuk-bentuk tingkah laku ini memperlihatkan ciri-ciri yang berbeza dari segi pendekatan dan gaya membuat keputusan jurulatih. Berbekalkan pengetahuan ini, jurulatih-jurulatih boleh menggunakan bentuk-bentuk tingkah laku ini sebagai panduan untuk bertindak atau bertingkah laku mengikut keperluan dan kesesuaian keadaan. Tingkah laku jurulatih tidak bersesuaian dengan keperluan atlet dan organisasi jika diamalkan akan membawa implikasi yang buruk kepada perkembangan dan kemajuan atlet dan pasukannya.

Berdasarkan hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kepuasan yang tinggi di kalangan atlet hasil daripada penonjolan tingkah laku yang khusus adalah mencerminkan keberkesanannya kejurulatihan. Dalam kajian ini membuktikan bahawa jurulatih-jurulatih yang mempamerkan ciri-ciri tingkah laku kecekapan dalam aspek teknikal dan taktikal sesuatu permainan menggunakan peneguhan dalam situasi tertentu di samping memberi sokongan serta menerima pandangan atlet dengan menunjukkan sikap yang peramah adalah diamati lebih berkesan oleh atlet-atlet.

Hasil kajian ini juga mungkin dapat membekalkan jurulatih dengan idea-idea baru. Dengan mengenalpasti bentuk-bentuk tingkah laku yang khusus jurulatih yang berupaya menghasilkan atlet-atlet muda yang cenderung meningkatkan tahap kepuasan mereka terhadap kepimpinan mungkin akan melengkapkan pengetahuan jurulatih-jurulatih untuk mempamerkan tingkah laku yang lebih berkesan dan menyakinkan. Di samping itu, maklumat-maklumat dari kajian ini mungkin dapat membantu jurulatih-jurulatih merancang strategi-strategi untuk meningkatkan penglibatannya dengan atlet-atlet.

Jika hasil kajian nin adalah benar, maka orientasi baru kepada jurulatih dan prosedur pemilihan perlu diubahsuaiakan.

Pengetahuan yang diperolehi daripada kajian ini dan kajian-kajian lepas yang berkaitan mungkin dapat menyediakan sebagai input yang berguna kepada perkembangan program pembangunan kejurulatihan. Pihak-pihak berkenaan seperti Sekolah-sekolah, MSSM, MSN, MOM dan Badan-Badan Sukan khusus yang lain sama ada peringkat daerah, negeri atau kebangsaan yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pengurusan program pembangunan kejurulatihan mungkin hasil kajian ini dapat menyediakan maklumat yang membantu dalam usaha merancang struktur dan program pendidikan kejurulatihan atau kepimpinan kejurulatihan sukan dengan lebih lengkap dan sistematik. Berkemungkinan juga kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam prosedur pemilihan jurulatih-jurulatih yang lebih berkesan ke arah menyediakan sesuatu pasukan permainan yang lebih cemerlang.

Kajian ini juga telah menunjukkan beberapa keputusan yang signifikan dalam pengujian hipotesis-hipotesis. Jika ianya penting bagi pihak-pihak tertentu dalam usaha membentuk atlet-atlet dan pasukan-pasukan permainan yang cemerlang, maka perancangan struktur dan program pembangunan kejurulatihan perlu diubahsuai dari segi prosedur latihan dan pemilihan jurulatih. Pendedahan terhadap gaya dan tingkah laku kepimpinan dalam kejurulatihan adalah penting supaya matlamat yang dituju itu akan dapat dicapai dengan jayanya.

Sebagai kesimpulannya, diharapkan ada pengkaji-pengkaji yang lain berminat dalam bidang yang sama meneruskan kajian jenis ini dari semasa ke semasa. Dengan itu, ia dapat memberi sumbangan yang berguna kepada disiplin pendidikan, khususnya dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan di negara ini.

## RUJUKAN

- Ball, D. W. (1975). A note on method in the sociological study of sport. *Sport and social order: Contributions to the sociology of sport*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Chelladurai, P., & Carron, A. V. (1981). Applicability to youth sports of the leadership scale for sports. *Perceptual and Motor Skills*, 53(2), 361-362.
- Chelladurai, P. (1984). Discrepancy between preferences and perceptions of leadership behavior and satisfaction of athletes in varying sports. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 6(1), 27-41.
- Chelladurai, P. (1990). Leadership in sports: A review. *International Journal of Sport Psychology*.
- Chelladurai, P., & Saleh, S. D. (1980). Dimensions of leader behavior in sports: Development of a leadership scale. *Journal of Sport Psychology*, 2(1).
- Fiedler, F. E. (1967). A theory of leadership of predictors of leadership effectiveness. New York: McGraw – Hill Book company.
- Horne, T., & Carron, A. V. (1985). Compatibility in coach-athlete relationships. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 7(2), 137-149.
- Sabock, R.J. (1979), *The Coach* (2nd ed.). Philadelphia, PA: W.B. Saunders.
- Sage, G. H. (1973). The coach as management: Organizational leadership in American sport. *Quest*, 19(1), 35-40.
- Sherman, C. A., Fuller, R., & Speed, H. D. (2000). Gender comparisons of preferred coaching behaviors in Australian sports. *Journal of Sport Behavior*, 23(4), 389.
- Sullivan, P.J., & Kent, A. (2003). Coaching efficacy as a predictor of leadership style in intercollegiate athletics. *Journal of Applied Sport Psychology*, 15, 1-11.
- Tutko, T. A., & Richards, J. W. (1971). *Psychology of Coaching*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wildman, L. (2006). *Best practice: Instructional leadership through teacher evaluation Handbook of the National Council of Professors of Educational Administration*. Lancaster, PA: Technomic Publishing Co

 Mazuki Mohd Yasim  
Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
Email: [mazuki@fsskj.upsi.edu.my](mailto:mazuki@fsskj.upsi.edu.my)